

# PM rayu orang ramai tidak memandu terburu-buru

UM 15 DEC 2001

ALOR SETAR 14 Dis. — Perdana Menteri hari ini merayu orang ramai yang pulang ke kampung halaman untuk berhari raya agar tidak memandu dengan terburu-buru bagi mengelakkan korban di jalan raya.

"Tolonglah, bawalah kereta perlahan-lahan dan cermat, kita akan sampai juga ke kampung walaupun terlewat 10 minit, setengah jam atau sejam," kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau mengingatkan biarlah mereka lambat sedikit sampai ke rumah daripada tergesa-gesa di jalan sehingga berlaku kemalangan yang kemudian akan disambut sedih oleh seluruh keluarga.

Dr. Mahathir kecewa kerana masih banyak kemalangan yang meragut nyawa menjelang musim perayaan walaupun kempen dan nasi-

hat mengenai keselamatan jalan raya diadakan sepanjang masa.

Beliau menyifatkan pemandu dan penunggang yang memandu dengan laju dan tidak cermat adalah golongan yang tidak memiliki perasaan simpati terhadap pengguna jalan yang lain.

## Menangkap

Sepatutnya pihak berkuasa menangkap mereka ini kerana selain menyusahkan orang lain, mereka juga membawa malapetaka kepada diri sendiri, tegas Dr. Mahathir.

Beliau menyatakan perkara itu sebelum berlepas pulang ke ibu negara setelah menghadiri majlis berbuka puasa dan penyampaian sumbangan Hari Raya di Jitra malam tadi.

Laporan *Utusan* hari ini

menyebut hampir dua juta warga kota meninggalkan Lembah Klang mulai semalam untuk pulang ke kampung halaman bagi menyambut Hari Raya Aidilfitri yang dijangka Ahad ini.

Pengurus Wilayah Utara Projek Lebuhraya Utara-Selatan (Plus), Mohammad Fuad Khusairi pula dipetik oleh Bernama sebagai berkata, jumlah kenderaan yang dijangka menggunakan lebuhraya itu hari ini dan esok adalah tiga kali daripada paras normal.

Sehingga semalam sebanyak 15 lagi korban dicatatkan dalam 795 kes kemalangan jalan raya pada hari ke-4 Ops Sikap dilancarkan di seluruh negara.

Angka itu menjadikan jumlah kematian sejak operasi itu bermula Sabtu lalu meningkat kepada 44 orang.